



## **HRD CORP PERKENALKAN SKIM GRADUAN MADANI**

**KUALA LUMPUR, 22 Ogos 2025** – Human Resource Development Corporation (HRD Corp), sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), hari ini mengumumkan pelancaran Skim Graduan MADANI (SGM), sebuah inisiatif yang bertujuan memperkukuh pembangunan kemahiran graduan di samping menyokong majikan dalam meningkatkan produktiviti tenaga kerja.

SGM membolehkan majikan berdaftar dengan HRD Corp menyalurkan sebahagian caruman levi mereka ke dalam program latihan berstruktur dan pendedahan industri, sekali gus membekalkan graduan dengan kemahiran praktikal serta memperkukuh aliran bakat negara sebagai sebahagian daripada usaha nasional membina tenaga kerja masa hadapan.

Inisiatif ini mencerminkan tekad Kerajaan untuk membangunkan tenaga kerja yang berkemahiran dan bersedia menghadapi masa depan yang juga selari dengan prinsip 3K KESUMA iaitu Kemahiran Pekerja, Produktiviti Pekerja dan Kebajikan Pekerja, di samping mengukuhkan agenda nasional dalam mewujudkan tenaga kerja Malaysia yang berdaya tahan dan berdaya saing.

Ketua Eksekutif HRD Corp, Dr. Syed Alwi bin Mohamed Sultan menegaskan bahawa skim ini memperkukuh produktiviti dan daya saing tenaga kerja melalui penyelarasan pembangunan graduan dengan keperluan industri, di samping menyokong objektif jangka panjang modal insan negara.

“SGM mampu memberi manfaat kepada graduan dan majikan. Graduan mendapat pengalaman praktikal dan latihan industri, manakala majikan dapat membangunkan saluran bakat yang mampan. Program ini bertujuan melahirkan tenaga kerja berdaya tahan, produktif dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.”

Untuk melayakkan majikan berdaftar dengan HRD Corp membuat tuntutan di bawah skim ini, majikan perlu memastikan setiap peserta melengkapkan penyertaan selama tempoh 12 bulan.

## UNTUK SIARAN SEGERA

### Ciri-Ciri Utama SGM:

- **Kelayakan:** Graduan Malaysia yang telah menamatkan semua pengajian tinggi, termasuk Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 4 ke atas dan sedang mencari pengalaman latihan kerja berstruktur pertama.
- **Keperluan Program:** Peserta mesti menamatkan keseluruhan program pembangunan kemahiran selama 12 bulan.
- **Bantuan Kewangan:** Majikan berdaftar boleh menuntut sehingga 50% daripada baki levi bagi tahun permohonan untuk program latihan yang dilaksanakan mulai **1 Januari 2025**.

### Garis Masa Pelaksanaan:

- Permohonan geran di bawah SGM oleh majikan berdaftar dengan HRD Corp boleh dikemukakan mulai **1 Januari 2026**.
- Kelayakan program terpakai bagi peserta yang memulakan pengalaman latihan kerja berstruktur pertama mereka mulai **1 Januari 2025**.

Untuk maklumat lanjut mengenai Skim Graduan MADANI, sila layari [www.hrdcorp.gov.my](http://www.hrdcorp.gov.my).

**- Tamat -**

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **Mengenai HRD Corp**

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) merupakan agensi peneraju kerajaan Malaysia bagi pembangunan modal insan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Diurus selia oleh Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta PSMB 2001), HRD Corp bertanggungjawab terhadap kutipan serta pentadbiran levi pembangunan sumber manusia melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM). Tanggungjawab ini merangkumi usaha menggalakkan latihan, latihan semula serta peningkatan kemahiran pekerja, perantis dan pelatih, untuk menyelaraskan keupayaan mereka dengan keperluan majikan serta aspirasi negara untuk membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Usaha ini memastikan tenaga kerja Malaysia kekal berdaya saing di samping mampu menyesuaikan diri dengan tuntutan ekonomi semasa dan masa depan.

HRD Corp juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh pasaran latihan di Malaysia, memacu inovasi, kualiti dan akses inklusif kepada pembangunan kemahiran di seluruh negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.hrdcorp.gov.my](http://www.hrdcorp.gov.my)